

## AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

*Ruzian Markom*  
ruzian@ukm.my

Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Usaha memartabatkan perkhidmatan kewangan Islam telah dimantapkan dengan kelulusan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI). Akta ini yang merupakan undang-undang induk dalam industri kewangan Islam yang telah menggabungkan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 serta menggantikan kedua-dua perundangan tersebut. Penggubalan akta ini untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan sistem kewangan Islam sedia ada. Perundangan bersifat omnibus ini bertujuan mengawal selia dan menyelia institusi kewangan Islam termasuk operator takaful serta mengawasi pasaran wang dan pertukaran asing Islam.

Sebagai salah satu dasar kepada regim kewangan dalam mempromosikan Sistem Kewangan Islam, Akta ini telah menyediakan rangka kerja pengawalseliaan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif yang seperti digambarkan dalam Jadual 1 yang berikut.

**Jadual 1** Rang Kerja Pengawalseliaan Perkhidmatan Kewangan Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

<b>Pematuhan dan Piawaian Syariah</b>			
<b>Seksyen 28 dan Seksyen 29 APKI 2013</b>			
Institusi Perbankan dalam Negara dan Antarabangsa	Operator Takaful dalam Negara dan Antarabangsa	Pasaran Wang Islam	Pasaran Pertukaran Asing Islam
Tadbir Urus Syariah Seksyen 30-36 APKI		Tadbir Urus Korporat Seksyen 62-89 APKI	
Audit Pematuhan Syariah Seksyen 37-38 APKI 2013		Kehendak ketelusan dan pengauditan Seksyen 72-89 APKI 2013	
Piawaian Pelakuan Perniagaan Seksyen 135 APKI 2013			
Perlindungan pengguna Skim Ombudsman Kewangan Seksyen 138 APKI 2013			

Jadual 1 menunjukkan bahawa APKI telah menyediakan rangka kerja pengawalseliaan perkhidmatan kewangan Islam yang meliputi sektor perbankan, operator takaful, pasaran wang dan pasaran pertukaran asing. Rangka kerja ini menyediakan penanda aras kepada pematuhan Syariah institusi kewangan melalui pembentukan piawaian Syariah oleh Bank Negara Malaysia. Piawaian Syariah tersebut meliputi tadbir urus Syariah dan korporat, sistem pembayaran, operasi, kontrak dan pembubaran. Pelaksanaan piawaian Syariah diperkukuh pula dengan piawaian operasi yang merujuk pengurusan risiko, tadbir urus yang telus serta berhemah, amalan perniagaan beretika dan amalan pasaran yang baik. Jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah institusi kewangan memainkan peranan yang penting dalam memastikan pematuhan piawaian tersebut. Seterusnya, regim perlindungan pengguna diiktiraf melalui piawaian perlakuan perniagaan yang beretika serta sistem ombudsman sebagai medium penyelesaian pertikaian antara pihak institusi kewangan dengan pengguna.

Akta ini mengandungi 18 bahagian yang meliputi 291 fasal dan 16 jadual. Objektif utama penggubalan APKI ialah mempromosikan keteguhan kewangan dan kepatuhan Syariah dalam sektor kewangan Islam di Malaysia. Hal ini telah dijelaskan dalam seksyen 6, APKI, dan Bank Negara Malaysia memainkan peranan penting dalam memupuk keselamatan dan kukuhan Institusi Kewangan Islam; integriti serta keteraturan fungsi pasaran wang dan pertukaran wang asing Islam; keselamatan, kecekapan dan kebolehppercayaan sistem pembayaran serta instrumen pembayaran Islam yang adil, bertanggungjawab sambil mengamalkan etika perniagaan profesional.

Penambahbaikan utama kepada Sistem Kewangan Islam yang telah ditonjolkan dalam APKI merupakan keperluan Institusi Kewangan Islam untuk mematuhi kehendak Syariah.<sup>1</sup> Perniagaan kewangan Islam melibatkan risiko pengoperasian yang unik terutamanya risiko Syariah yang memberikan implikasi perundangan serta kewangan kepada institusi bagi pematuhan Syariah. Oleh itu, institusi kewangan Islam yang telah diberikan lesen bertanggungjawab memastikan pada setiap masa matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah<sup>2</sup> dan Piawaian Syariah yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atas nasihat Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia.<sup>3</sup> Keperluan pematuhan Syariah terpakai kepada pengarah institusi kewangan,

---

1 Bahagian IV – Seksyen 27-36 APKI, merujuk kepada peruntukan berkaitan kehendak Shariah meliputi pematuhan, tadbir urus dan keperluan audit pematuhan Shariah.

2 Seksyen 28, APKI.

3 Seksyen 29, APKI.

ketua pegawai eksekutif, pegawai kanan dan anggota Jawatankuasa Syariah.<sup>4</sup> Harus diingat juga bahawa peruntukan berkaitan tanggungjawab memastikan pematuhan syariah bersifat penal, iaitu sesiapa yang melanggar peruntukan berkenaan telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi lapan tahun atau denda tidak melebihi RM25 ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, pihak Institusi Kewangan Islam yang telah melakukan ketidakpatuhan Syariah semasa menjalankan perniagaan, hal ehwal dan aktiviti mereka perlu menyediakan pelan pembetulan ketidakpatuhan dalam tempoh 30 hari kepada Bank Negara Malaysia untuk dilakukan penilaian.<sup>6</sup> Pihak Bank Negara Malaysia telah diberikan kuasa menjalankan penilaian yang difikirkan relevan bagi memutuskan sama ada institusi terlibat telah membetulkan ketidakpatuhan tersebut. Bagi memastikan sistem pematuhan Syariah yang mapan, pihak Bank Negara Malaysia dan Institusi Kewangan Islam dikehendaki melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Juruaudit tersebut menjalankan audit pematuhan Syariah terhadap institusi berkenaan.<sup>7</sup>

Penjelasan tentang keperluan tadbir urus telah dibincangkan dalam dua aspek, iaitu tadbir urus Syariah dan tadbir urus korporat. Dalam usaha mendayakan dan mengurusperdanakan kepakaran kewangan Islam, APKI telah menyediakan tadbir urus Syariah yang jelas dengan menggariskan penubuhan, pelantikan, kewajipan serta perlindungan kerahsiaan kepada Jawatankuasa Syariah dan ahlinya.<sup>8</sup> Begitu juga dalam memastikan pematuhan ketelusan, kerangka tadbir urus korporat yang telus telah digariskan melalui kelayakan dan kewajipan pengerusi, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai kanan sesebuah institusi kewangan.<sup>9</sup> Kriteria pelantikan serta kewajipan juruaudit dan aktuari oleh Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan Islam juga disebut dengan jelas dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan Institusi Kewangan Islam.<sup>10</sup>

Yang menarik tentang APKI ialah pengiktirafan terhadap regim perlindungan pengguna melalui peruntukan berkaitan piawaian perlakuan perniagaan dan penubuhan skim ombudsman kewangan.<sup>11</sup> Pengguna menurut APKI termasuk sesiapa yang telah menggunakan instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan untuk mendapatkan wang, barangan atau

---

4 Seksyen 29(5), APKI.

5 Seksyen 28(5), APKI.

6 Seksyen 28(3), APKI.

7 Seksyen 37 dan 38, APKI.

8 Seksyen 30-36, APKI.

9 Seksyen 62-74, APKI.

10 Seksyen 76-89, APKI.

11 Seksyen 135-138, APKI.

perkhidmatan. Piawaian perlakuan perniagaan adalah untuk memastikan penyedia perkhidmatan kewangan adalah adil, bertanggungjawab dan profesional apabila berurusan dengan pengguna kewangan. Oleh itu, Bank Negara Malaysia perlu mengeluarkan satu piawaian berhubung dengan perkara yang berikut:

- a. kehendak ketelusan dan pendedahan termasuk pemberian maklumat yang tepat, jelas, tepat pada masanya dan tidak mengelirukan kepada pengguna kewangan;
- b. terma yang adil dalam suatu kontrak pengguna kewangan bagi perkhidmatan atau produk kewangan;
- c. promosi perkhidmatan atau produk kewangan;
- d. pemberian syor atau nasihat termasuk penilaian kesesuaian dan kemampuan perkhidmatan atau produk kewangan yang ditawarkan kepada pengguna kewangan; dan
- e. aduan dan mekanisme penyelesaian pertikaian.

Sebaliknya, APKI telah menyenaraikan perlakuan perniagaan yang dilarang seperti melibatkan diri dalam perlakuan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan keadaan, ciri, terma atau harga apa-apa perkhidmatan atau produk kewangan.<sup>12</sup>

APKI juga menyediakan peruntukan berkaitan pengawalseliaan dan operasi takaful<sup>13</sup> yang meliputi penubuhan dan penyelenggaraan kumpulan wang takaful. Selain itu termasuklah juga, kewajipan pembukaan akaun oleh broker takaful, penasihat kewangan Islam serta pengeluar instrumen pembayaran Islam. Terdapat juga peruntukan berkenaan pemerolehan takaful di luar Malaysia serta kaedah pengendaliannya, pendedahan prakontrak dan representasi dan remedi salah nyataan. Jadual 8, menyenaraikan orang yang termasuk dalam kategori boleh lindungi, iaitu suami, isteri atau anak, anak jagaan di bawah umur dewasa pada masa kontrak takaful, pekerja dan seseorang yang bergantung pada peserta takaful sepenuhnya bagi saraan atau pendidikan semasa kontrak takaful dibuat. Jadual 10 pula menyediakan peruntukan yang jelas tentang pembayaran manfaat takaful di bawah sijil takaful keluarga atau sijil takaful kemalangan diri yang penamanya berperanan sebagai seorang wasi atau seorang benefisiari di bawah hibah bersyarat.

Kewajipan Bank Negara Malaysia memelihara kepatuhan Syariah dalam pasaran wang dan pasaran tukaran asing Islam ditentukan melalui penggubalan kod pematuhan Syariah berkaitan dengan aktiviti dan perlakuan dalam pasaran.<sup>14</sup> Terdapat peruntukan yang menyenaraikan perlakuan yang

<sup>12</sup> Jadual 7, Subseksyen 136(1) APKI

<sup>13</sup> Seksyen 90-146 APKI

<sup>14</sup> Seksyen 152-154 APKI

dilarang dalam transaksi di pasaran. Selain itu, pemantauan dalam bentuk pemeriksaan dokumen oleh juruaudit atau aktuari dalaman dan antarabangsa.

Bahagian 16 pula memperuntukkan kuasa penyiasatan oleh bank serta tindakan pentadbiran, sivil dan kesalahan jenayah terhadap institusi kewangan, operator takaful serta pengantara dan peserta pasaran. Akta ini diakhiri dengan Bahagian berkaitan pemansuhan, pengecualian dan peralihan yang menerangkan tentang pemansuhan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 184 serta pengecualian dan peralihan kesan daripada pemansuhan kedua-dua Akta tersebut.

Secara keseluruhannya, APKI 2013 ialah suatu Akta yang mantap dalam menyediakan regim pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan, operator takaful serta pengantara dan peserta pasaran wang dan tukaran asing. Di samping itu, akta ini juga mengiktiraf regim perlindungan pengguna dengan keperluan penggubalan piawaian perlakuan perniagaan yang berintegriti, beretika dan profesional. Penubuhan mekanisme penyelesaian pertikaian secara sistem ombudsman selaras dengan amalan pada peringkat antarabangsa dalam menyelesaikan pertikaian antara pihak Bank dan pengguna.

Namun begitu, terdapat beberapa lakuna yang telah dikenal pasti dalam APKI yang boleh ditambah baik. Antaranya termasuklah peruntukan berkaitan ketelusan hanya terhad kepada tadbir urus korporat sahaja sedangkan konsep ketelusan terpakai juga dalam pengendalian akaun pendeposit dari aspek bagaimana pihak institusi kewangan memberikan keuntungan kepada pengguna. Ketelusan pihak institusi kewangan memberikan maklumat mengenai pemberian keuntungan diharapkan dapat menyelesaikan kekeliruan pengguna tentang amalan perbankan Islam adalah sama dengan perbankan konvensional dalam penentuan margin keuntungan. Selain itu, memandangkan Jawatankuasa Syariah Institusi Kewangan memainkan peranan yang penting dalam pengawalseliaan pematuhan Syariah, pembentukan piawaian prosedur kerja Jawatankuasa Syariah Institusi Kewangan patut dibangunkan untuk memastikan amalan prosedur kerja yang seragam terpakai untuk semua Institusi Kewangan Islam, operator takaful, pengantara dan peserta pasaran.

Akhirnya, penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 merupakan satu usaha murni dalam menggalakkan transformasi ekonomi tempatan dan global. Akta ini juga dijangkakan dapat mendayakan dan mengarusperdanakan keperkasaan pengguna dalam industri kewangan Islam. Akta ini masih belum teruji dan diharapkan pelaksanaannya berteraskan keadilan, bertanggungjawab dan profesional terhadap industri kewangan Islam dan pengguna.